

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

- 1.**
- | | |
|--------------------------|---|
| JAWATAN | : PEMBANTU TADBIR (GRED N19) |
| TARAF JAWATAN | : PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) |
| KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | : Pentadbiran dan Sokongan |
| SKIM PERKHIDMATAN | : Pembantu Tadbir |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN | : Pelaksana |
| PENEMPATAN | : Ibu Pejabat Tourism Malaysia |
| KADAR UPAH | : RM 54.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Empat) sehari |

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d) Mempunyai pengetahuan dalam pengendalian dan perisian komputer seperti Microsoft Word, Microsoft Excel dan Microsoft Powerpoint dengan baik.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

- i. Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan;
- ii. Membantu menguruskan/menjadi penyambut tetamu bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Promosi/Perancangan; dan
- iii. Membantu dalam urusan penganjuran program pentadbiran yang dilaksanakan di Tourism Malaysia.

5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

- (a) (i) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang LPPM-1** yang boleh didapati melalui link berikut:
[http:// www3.tourism.gov.my/corporate/borang.pdf](http://www3.tourism.gov.my/corporate/borang.pdf)
- (ii) Sila *print* dan lengkapkan maklumat. Borang yang telah lengkap maklumat hendaklah dikemukakan ke Unit Pengurusan, Bahagian Sumber Manusia sebelum tarikh tutup permohonan.
- (iii) Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 23cm x 32cm dan disudut sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis nama jawatan yang dimohon.
- (iv) Borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut :

Tourism Malaysia
Bahagian Sumber Manusia
Aras 9, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
(U.P. Unit Pengurusan)

- (b) Pemohon perlu menyertakan dokumen-dokumen yang lengkap dan diakui sah benar oleh pegawai dari **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** berdasarkan senarai semak yang dikemukakan bersama-sama borang permohonan. Dokumen hendaklah mengikut susunan di dalam senarai semak berkenaan.

- (c) Gambar yang dikemukakan hendaklah menggunakan gambar passport terkini. Selain daripada gambar passport tidak dibenarkan.
- (d) Tarikh tutup permohonan ialah pada **29 Januari 2020 (Rabu) sebelum jam 5.30 petang.**

6. CATATAN AM

- (a) Sebarang permohonan yang **tidak lengkap atau lewat** tidak akan dipertimbangkan dan akan dianggap tidak berjaya.
- (b) Calon yang berjaya melepasi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi melalui surat** untuk panggilan sesi temu duga.
- (c) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah **tidak berjaya.**
- (d) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai berikut:
 - (i) Puan Adibah Mohd Basri - 03-8891 8962
 - (ii) Cik Siti Salwah Othman - 03-8891 8908
 - (iii) Puan Nor'azila Roselan - 03-8891 8963

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****